

01 JUN 1996

Razaleigh

TENGGU RAZALEIGH TEMUI ANGGOTA SEMANGAT 46 PULAU PINANG

PULAU PINANG, 1 Jun (Bernama) -- Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah hari ini menemui pemimpin dan anggota parti di negeri ini sebagai sebahagian daripada lawatannya ke seluruh negara untuk menerangkan mengenai masa depan parti itu.

Yang turut hadir di majlis itu ialah setiausaha agung parti, Datuk Manan Othman dan Pengerusi S46 negeri, Datuk Yusoff Latiff.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Tengku Razaleigh berkata pada pertemuan itu beliau memberi penjelasan kepada anggota parti berhubung rancangan menyatukan orang Melayu serta perjumpaannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Langkah itu bertujuan mengelakkan kekeliruan di kalangan anggota parti, katanya sambil menambah bahawa beliau juga bercadang menemui Dr Mahathir buat kali ketiga tetapi tidak menyatakan tarikhnya.

Tengku Razaleigh berkata beliau tidak meletakkan sebarang syarat untuk bekerjasama dengan Umno sama ada dengan meminta jawatan dalam parti ataupun kerajaan.

Beliau juga berkata parti itu tidak pernah berbincang atau bercadang menjadi anggota komponen Barisan Nasional.

Mengenai kemelut dalam kerajaan negeri Kelantan, Tengku Razaleigh berkata PAS sepatutnya berunding dengan S46 bagi menyelesaikan sebarang masalah berbangkit.

"Sebagai ulama, beliau (Menteri Besar Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat) patut menunjuk jalan dan S46 sedia berunding," katanya. -- BERNAMA

NH NAK